

01/02/2003

Bantuan RM170,000 untuk 49 pelajar cemerlang Bosnia

KUALA LUMPUR: Umno dengan kerjasama sebuah syarikat korporat bersetuju menyediakan sumbangan pendidikan berjumlah RM170,000 setahun bagi 49 pelajar Bosnia cemerlang tetapi tidak berkemampuan, yang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sumbangan RM300 sebulan untuk setiap pelajar itu, disampaikan Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor kepada mereka di Ibu pejabat Umno di sini, semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Tengku Adnan berkata, bantuan itu untuk tempoh setahun sebagai permulaan dan jika pelajar berkenaan masih menunjukkan kecemerlangan, Umno akan berusaha meneruskan bantuan itu dengan kerjasama syarikat swasta terbabit.

Pemberian sumbangan itu katanya berikutan permohonan Imam Besar Bosnia, Mustafa Ceric, kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mesyuarat menteri-menteri Islam di sini, tahun lalu.

Berikutan itu katanya, beliau diarahkan Presiden Umno itu untuk berusaha mencari jalan bagi membantu pelajar Bosnia terbabit yang tidak berkemampuan, tetapi cemerlang dalam pelajaran.

"Dengan kerjasama sebuah syarikat korporat milik seorang Melayu yang enggan nama beliau atau syarikatnya disiarkan, kita akhirnya dapat menyediakan sumbangan pendidikan ini," katanya.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, Malaysia sebagai sebuah negara Islam amat prihatin dengan masalah umat Islam di seluruh dunia termasuk di Bosnia dan bantuan itu diharap akan dapat meringankan beban mereka sepanjang melanjutkan pengajian di negara ini.

Sementara itu, Tengku Adnan berkata, beliau akan berusaha berjumpa dengan Jabatan Imigresen untuk berbincang dari segi peraturan visa bagi pelajar Bosnia yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi negara ini.

"Mungkin kita boleh memberikan sedikit keistimewaan atau kelonggaran dari segi peraturan visa bagi pelajar Bosnia terbabit. Tapi ini bukanlah satu janji yang akan kita tunaikan, cuma kita akan cuba sedaya upaya yang boleh untuk membantu mereka," katanya.

Dalam ucapan sebelum itu, wakil pelajar Bosnia yang menerima sumbangan itu, Mujo Cenic, berterima kasih kepada kerajaan Malaysia khususnya Dr Mahathir yang amat prihatin dengan nasib masyarakat Islam Bosnia.

Katanya, pelajar yang dipilih menerima bantuan itu berjanji akan memastikan sumbangan berkenaan tidak disia-siakan sebaliknya akan terus meningkatkan kecemerlangan masing-masing.

"Sepanjang di Malaysia kita bukan saja belajar untuk mendapat diploma atau ijazah, tetapi turut mempelajari struktur sosial masyarakat pelbagai kaum di negara ini, yang dapat hidup aman damai tanpa sebarang perbalahan kaum.

"Kami kagum dengan apa yang ada di Malaysia dan mahu mempelajarinya untuk dibawa pulang ke Bosnia, bagi membangunkan semula negara kami suatu hari nanti," katanya.